Publication: Berita Harian, pg 6

Date: 17 January 2023

Headline: Singaporeans expect 2023 headline inflation to drop

Berkurangan kepada 3.8% dalam tinjauan bulan lalu, daripada 4.6% dalam tinjauan September

Warga S'pura jangka inflasi utama 2023 turun

JANGKAAN inflasi utama warga Singapura bagi tahun ini turun kepada 3.8 peratus dalam satu tinjauan bulan lalu daripada 4.6 peratus – paling tinggi dalam 11 tahun – pada September lalu.

Demikian menurut keputusan suku tahunan terkini Indeks Jangkaan Inflasi Singapu-

Bagaimanapun, jangkaan inflasi setahun ke depan pada suku keempat itu masih lebih tinggi daripada jangkaan purata setahun ke depan yang sebanyak 3.2 peratus sejak tinjauan itu dimulakan pada 2011.

Laporan Sindex itu, yang diterbitkan se-malam secara bersama oleh DBS dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU), diperoleh daripada tinjauan dalam talian ke atas 500 individu yang dipilih secara rambang, yang me-

wakili pelbagai jenis isi rumah Singapura.

DBS dan SMU menyatakan bahawa pengguna melihat kesan negatif yang sederhana daripada pandemik Covid-19 terhadap per-tumbuhan ekonomi Singapura, memandang-kan ketidaktentuan global, langkah mengetatkan dasar kewangan dan gangguan ekonomi dan geopolitik.

Pengguna Singapura juga berasa bahawa sepanjang tempoh 12 bulan akan datang, mereka menjangka akan berbelanja lebih sedi-kit disebabkan kenaikan harga, lapor *The* Business Times.

Dalam laporan DBS dan SMU itu juga terdapat dua kumpulan besar yang tidak setuju sama ada ia membawa kesan positif atau ne-

Sentimen pengguna tentang inflasi keseluruhan juga bercampur, dengan 41 peratus daripada mereka yang ditinjau menjangka inflasi akan turun, sementara 45 peratus menjangka ja akan naik.

Risiko peningkatan kemerosotan global dalam menghadapi kenaikan kadar faedah untuk menangani inflasi dan kos sara hidup yang berterusan sedang menyebabkan "percanggahan kognitif" dalam kalangan pengguna dan pakar dasar ekonomi, kata penolong profesor kewangan SMU yang juga penyiasat utama pengasas Projek Sindex DBS-SK-BI, ProfesorAurobindo Ghosh.

"Di dalam negeri, walaupun terdapat panduan ke hadapan mengenai dolar Singapura yang kukuh oleh MAS (Penguasa Kewangan Singapura), pengguna Singapura menghadapi tekanan harga tinggi daripada pasaran bu-ruh lebih ketat, penginapan, utiliti, kos makanan dan kemungkinan kadar GST (cukai barangan dan perkhidmatan) lebih tinggi, iaitu 8 peratus," katanya.

Bagaimanapun, terdapat penurunan yang lebih stabil dalam jangkaan inflasi jangka panjang, meningkatkan harapan jangkaan inflasi yang lebih berasas pada norma baru, tambah beliau.

Data daripada MAS meramalkan median 5.2 peratus bagi inflasi semua barangan indeks harga pengguna (CPI) tahun ini.

Data CPI terkini daripada Jabatan Perangkaan juga menunjukkan peningkatan 6.1 peratus tahun ke tahun bagi CPI semua barangan pada Januari hingga November 2022, dengan inflasi bulanan November terkini sebanyak 6.7 peratus tahun ke tahun.

Di samping itu, tinjauan tersebut mendapati bahawa sekitar 10.8 peratus rakyat Singapura yang ditinjau pada Disember menjangka pengurangan gaji lebih 5 peratus tahun ini, sama seperti jangkaan 10.2 peratus pada Sepember.

Jangkaan kenaikan gaji median kekal tidak berubah antara 1 dan 5 peratus.

Sebagai sebahagian usaha memperlahankan momentum inflasi dan memastikan kestabilan harga jangka sederhana, MAS mengetatkan lagi dasar kewangan pada 14 Oktober lalu.